

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 9 / 3 / 2008

Abdullah pertahan Kepala Batas

um- 9/3/2008

KUALA LUMPUR 8 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menang di Kepala Batas, mengekalkan kerusi Parlimen itu bagi penggal kelapan sejak kali pertama bertanding pada pilihan raya umum 1978.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu memperoleh 23,445 undi, menumpaskan pencabarnya daripada Pas, Subri Md. Arshad dengan majoriti 11,246 undi.

Pada pilihan raya umum 2004, Abdullah yang bertanding di Parlimen Kepala Batas bagi kali pertama sebagai Perdana Menteri, mengalahkan Abdul Khalid Rasid daripada Pas dengan majoriti 18,122 undi.

Presiden UMNO itu dicabar calon Pas sebanyak enam kali, termasuk pada Pilihan Raya Umum Ke-12 ini di Kepala Batas dan dua kali oleh calon Semangat 46 pada 1990 dan 1995.

Calon pertama yang tumpas di tangan Abdullah bagi kerusi itu pada 1978 ialah Musa Mohd. Yatim daripada Pas dengan majoriti 5,029 undi.

Jagoan Pas, Mohamad Sabu yang kali ini bertanding di kawasan Parlimen Kuala Terengganu, juga pernah kalah kepada Abdullah pada 1982 dengan majoriti 12,644 undi.

- Bernama

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
PERTAMAKAN
KEPIMPINAN
PERDANA